

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

YB TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menggubal undang-undang untuk mengharamkan wakil rakyat daripada keluar parti semasa berkhidmat (anti-hopping laws) dan sekiranya ada, bila.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

SPR tidak mempunyai apa-apa kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang untuk melarang wakil rakyat daripada keluar parti semasa berkhidmat. Oleh yang demikian perkara ini memerlukan perbincangan dan pertimbangan daripada pihak-pihak yang mengawal tingkah laku wakil rakyat.

Sekian. Terima kasih.